

1993

BAGAN DATUK, 27 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA PUCUK PIMPINAN UMNO DAN JUGA ANGGOTANYA TIDAK BERNIAT SAMA SEKALI UNTUK MENGHAPUSKAN SISTEM RAJA BERPERLEMBAGAAN NEGARA INI.

+APA YANG KITA MAHU IALAH SEBUAH NEGARA DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN PARLIMEN KITA DIBERI KUASA TERTINGGI UNTUK MENENTUKAN NASIB KITA,+ KATANYA.

DALAM PADA ITU UMNO TETAP AKAN BERPEGANG TEGUH KEPADA SISTEM RAJA BERPERLEMBAGAAN, KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP MERASMIKAN DEWAN SERBAGUNA DI PEKAN SELEKOH, 16 KM DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHUKAN PARLIMEN NEMPUNYAI KUASA TERTENTU KERANA ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN DIPILIH OLEH RAKYAT SENDIRI.

OLEH ITU SUDAH SEWAJARNYA PARLIMENLAH YANG AKAN DAPAT MENYUARAKAN HASRAT RAKYAT, TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2108/MK

MAHATHIR 2 BAGAN DATUK

BELIAU SEKALI LAGI MENJELASKAN BAHAWA PERLEMBAGAAN NEGARA PERLU DIPINDA DARI MASA KE SEMASA UNTUK MEMASTIKAN RAKYAT TIDAK TERKEKELIRU ATAU TIMBUL SALAH TAFSIRAN MENGENAI SESUATU PERKARA.

+SEBAB ITULAH KITA BERUSAHA MENENTUKAN BAHAWA SEGALA URUSAN NEGARA ADALAH BERASASKAN PERLEMBAGAAN YANG JELAS KEPADA SEMUA PIHAK,+ KATANYA.

+INI SAHAJA YANG KITA INGIN BUAT TETAPI MUSUH-MUSUH KITA TELAH CUSA MEMPERDAYAKAN RAKYAT DENGAN MENGATAKAN BAHAWA KITA INGIN MENUBUHKAN SEBUAH REPUBLIK,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA SISTEM LAIN SELAIN DARI DEMOKRASI BERPARLIMEN YANG BOLEH MENENTUKAN RAKYAT HIDUP BAHAGIAN, DAN RAKYAT TIDAK ADA JALAN LAIN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU SELAIN DARI SISTEM SEKARANG.

PERDANA MENTERI KESAL TERDAPAT SEBILANGAN KECIL ORANG MELAYU TERPENGARUH DENGAN DAKYAH+DAKYAH MUSUH KONONNYA KERAJAAN BERUSAHA MENUBUHKAN REPUBLIK DAN TELAH MELAKUKAN SESUATU YANG MEROSAKKAN PARTI SENDIRI, IAITU UMNO. -- LAGI 2204/MK
2020 6870

MAHATHIR 3 BAGAN DATUK

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN RAKYAT JANGAN TERPENGARUH DENGAN GOLONGAN-GOLONGAN YANG CUSA MENGELIRUKAN MEREKA DENGAN MENBUAT PENJELASAN-PENJELASAN MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN.

TUJUAN MEREKA ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMENANGI PILIHANRAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN RUNGKUP YANG AKAN DIADAKAN SABTU INI, KATANYA.

BELIAU MEMBIDAS PAS KERANA HANYA PANDAI MENGHANTAR MEMORANDUM KEPADANYA MENDESAK SUPAYA PERLEMBAGAAN NEGARA DIHAPUSKAN KERANA TIDAK BERASASKAN ISLAM.

+TETAPI MEREKA TIDAK PULA MENYEBUT BENTUK PERLEMBAGAAN YANG MACAM MANA SEBAGAI GANTI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PAS SUDAH MELIHAT SEBUAH NEGARA YANG KONONNYA MENGAMALKAN PERLEMBAGAAN ISLAM, NEMPUNYAI PRESIDEN DAN INGIN SUPAYA KITA JUGA MENGAMALKAN SISTEM YANG SAMA.

TETAPI MEREKA TIDAK BERANI MENYEBUT SECARA TERANG-TERANG NAMA NEGARA ITU DALAM MEMORANDUM MEREKA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU YAKING RAKYAT DI KAWASAN RUNGKUP TIDAK MUDAH TERPENGARUH DAN TERPEDAYA DENGAN DAKYAH-DAKYAH YANG DISEBARKAN OLEH PARTI TERSEBUT. -- BERNAMA 2210/MK